

PTG Selangor siasat isu pajakan tanah

Shah Alam: Kerajaan Selangor melalui Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri sedang menjalankan siasatan dalaman dan semakan terperinci berkaitan isu pajakan tanah di Ladang Tennamaram, Bestari Jaya, Kuala Selangor, dekat sini.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Juwairiya Zulkifli, berkata kerajaan negeri memandang serius tuduhan berkaitan isu pajakan tanah itu dan akan memberi kerjasama sebaiknya kepada pihak berkuasa.

"Selari nilai kebertanggungjawaban dan ketelusan, pentadbiran Selangor tidak akan berkompromi dengan elemen rasuah serta salah guna kuasa di semua peringkat.

"Justeru, kerajaan negeri bersedia dan akan memberi kerjasama sebaiknya kepada pihak berkuasa," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Rabu lalu, sekumpulan pene-roka Ladang Tennamaram melakukan demonstrasi aman di ladang itu bagi meminta campur tangan Kerajaan Selangor untuk menyelesaikan isu tanah yang diusahakan mereka sejak 1965 yang kini dipajak kepada dua syarikat.

Juwairiya berkata, kerajaan negeri tidak teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya dan tidak akan melindungi mana-mana pesalah demi menjunjung prinsip luhur reformasi yang berteraskan ketelusan serta akauntabiliti kepada semua.

BERNAMA